

JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



Kementerian Sumber Manusia

# BULETIN JTK SARAWAK

EDISI 19 BIL 2/2018 (JULAI - DISEMBER 2018)

ah Tugas

## KANDUNGAN

Dari Meja Ketua Editor

Perutusan Pengarah

Tenaga Kerja Sarawak

Aktiviti Rasmi Jabatan

Aktiviti Kelab

Sudut Pendidikan Perburuhan

Info ICT

Berita Warga

\*Salam Perkenalan

\*Kenaikan Pangkat

\*Pertukaran (ke luar JTKSWK)

\*Pertukaran (dalam JTKSWK)

\*Pegawai Yang Telah Bersara

\*Cahaya Mata

\*Sekalung Takziah

Sudut Bahasa

Pencapaian



*Dari Meja*

# KETUA EDITOR



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Selamat bersua kembali, semoga kita semua sihat dan bersemangat selalu serta penuh berintegriti dalam menjalankan amanah sehariannya.

Masa begitu pantas berlalu. Diam tak diam kita telah pun berada pada penghujung tahun 2018 dan Buletin JTK Sarawak Edisi 19 Bil. 2/2018 ini merupakan keluaran kedua buletin ini bagi tahun 2018 ini. Kami ini telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program sepanjang tempoh liputan iaitu dari Julai hingga Disember 2018. Kami sajikan pelbagai aktiviti Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak berkenaan untuk tatapan anda.

Untuk memastikan para majikan mematuhi peruntukan-peruntukan undang-undang perburuhan yang berkuatkuasa di negeri Sarawak ini, satu operasi yang dinamakan Operasi Khas Pemeriksaan Berkanun telah dibuat oleh pegawai-pegawai Jabatan di seluruh negeri Sarawak pada bulan Jun hingga Oktober 2018. Ia menunjukkan hasil yang positif dengan para majikan lebih memahami hak dan obligasi mereka.

Beberapa aktiviti seperti penjalinan kerjasama dengan institusi-institusi penyedia Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dilakukan pada bulan Ogos. Di samping itu, Taklimat Penerangan Penaksiran Risiko dan Prosedur Kerja Selamat di Tempat Kerja menyusul. Ini diikuti dengan Kursus Portal JobsMalaysia, Kursus Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan, dan Program Karnival Kerjaya Mini OKU.

Demi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, satu kursus iaitu Kursus Pemantapan Integriti Penjawat Awam telah diadakan pada bulan September.

Beberapa program karnival kerjaya untuk menemukan para majikan dan pencari-pencari kerja termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) bagi tujuan penempatan pekerjaan juga terus dianjurkan di Kuching, Sibu dan Bintulu selepas itu.

Sekali lagi, kami amat gembira kerana semua ini dapat kami jayakan kerana kerjasama yang wujud dalam kalangan warga kerja JTK Sarawak. Ke gunung sama didaki; ke lurah sama dituruni. Semoga tahun 2019 yang menjelang tiba akan membawa seribu satu kejayaan buat kita semua. Selamat membaca.

**SULAIMAN BIN ISMAIL**

*Ketua Editor*



# Perutusan **PENGARAH** **TENAGA KERJA, SARAWAK**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Selamat bertemu kembali. Saya berharap semoga pembaca budiman sentiasa sihat dan penuh bersemangat dalam menjalankan amanah sehari-hari. Sekali lagi, marilah kita semua saling mengingatkan diri masing-masing untuk berkhidmat dengan penuh berintegriti. Buletin JTK Sarawak menemui pembaca budiman sekali lagi melalui keluaran keduanya pada tahun ini.

Kita telahpun melangkah ke tahun 2019. Tahun ini juga merupakan permulaan berkuatkuasanya Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 yang menetapkan gaji minimum bagi para pekerja di seluruh Malaysia. Saya berharap para majikan khususnya di Bumi Kenyalang ini mematuhi perintah ini demi kebaikan semua pihak iaitu majikan-majikan dan para pekerja.

Berhubung penekanan terhadap Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak telah menjalankan kerjasama dengan penyedia-penyedia latihan berkenaan. Ini demi memantapkan lagi usaha ke arah memartabatkan latihan dan pendidikan tersebut. Kita berharap jalinan kerjasama ini akan membawa hasil seperti yang diharapkan. Di samping itu, program karnival kerjaya yang terkenal dalam kalangan para pencari kerja terus turut diadakan lagi di Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu. Program berkenaan khusus untuk Orang Kurang Upaya (OKU) juga turut diadakan. Ia mendapat sambutan yang begitu baik daripada para pencari kerja.

Penekanan terhadap perkhidmatan dengan penuh beramanah dan berintegriti terus diberikan perhatian. Untuk itu, satu kursus khas iaitu Kursus Pemantapan Integriti Penjawat Awam diadakan pada bulan September 2018. Semoga para pegawai dan staf JTK Sarawak mendapat manfaat daripada kursus ini. Marilah kita semua menanamkan dalam sanubari masing-masing untuk menjalankan amanah dengan penuh integriti.

Dengan kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada para pegawai dan staf JTK Sarawak yang telah bersara pada tahun 2018. Jasa dan pengorbanan mereka akan tetap kita kenang. Kepada para pegawai dan staf yang telah berpindah ke luar dari JTK Sarawak pula saya mengucapkan selamat menjalankan tugas di tempat baharu tuan puhan.

Di samping perkara di atas, terdapat juga beberapa aktiviti dan program lain yang kami sajikan kepada pembaca budiman dalam buletin keluaran ini. Diharapkan semoga perkongsian maklumat ini memberikan manfaat kepada semua pihak.

Selamat membaca.

Sekian, wassalam dan selamat sejahtera.

**AWANG RADUAN BIN AWANG OMAR**  
**Pengarah Tenaga Kerja Sarawak**

## **Operasi Khas Pemeriksaan Berkanun**

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah melancarkan Operasi Khas Pemeriksaan Berkanun di tempat-tempat pekerjaan dari bulan Jun hingga Oktober 2018. Operasi itu telah berjaya mengesan 2,229 pelanggaran daripada 439 tempat pekerjaan yang diperiksa yang melibatkan pelbagai jenis pekerjaan dan sektor perniagaan.

Pelanggaran yang dikesan adalah melibatkan pelanggaran terhadap peruntukan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 dan Akta Pampasan Pekerja 1952 yang mana antara lain melibatkan kegagalan majikan untuk-

- (a) menyimpan daftar peribadi yang lengkap (350 kes);
- (b) menyimpan daftar terma dan syarat penggajian yang lengkap (343 kes);
- (c) menyimpan daftar gaji dan elaun yang lengkap (300 kes);
- (d) memberi daftar gaji dan elaun yang lengkap kepada pekerja (239 kes);
- (e) memberi notis di bawah seksyen 60A (163 kes);
- (f) membayar gaji hari kelepasan kepada pekerja (110 kes);
- (g) membayar gaji lebih masa kepada pekerja (79 kes);
- (h) memperkenan notis hari rehat di tempat pekerjaan (75 kes);
- (i) memberi pekerja satu hari rehat setiap minggu (63 kes);
- (j) membayar gaji minimum kepada pekerja (56 kes); dan
- (k) memperolehi lesen yang sah sebelum menggaji Pekerja Bukan Pemastautin (54 kes).



Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Sulaiman bin Ismail (tengah) bersama semua Pegawai Penguatkuasa dan anggota yang terlibat dalam Operasi Khas Pemeriksaan Berkanun di Bandar Bintulu pada 30 Oktober 2018



Encik Edwin Eddy anak Eddy, Pegawai Penguatkuasa dari Pejabat Tenaga Kerja Marudi sedang mendapatkan maklumat dari majikan di tempat pekerjaan

Operasi yang dijalankan telah melibatkan semua Pegawai Penguatkuasa di Pejabat Tenaga Kerja dan juga Pegawai Penguatkuasa di Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Operasi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan undang-undang di kalangan majikan di samping memastikan pekerja-pekerja memahami hak-hak mereka di bawah undang-undang perburuhan.

Jabatan telah mengeluarkan 401 Notifikasi Pelanggaran kepada majikan bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh mereka yang terlibat. Selain itu, sebanyak 61 kertas siasatan telah pun dibuka bagi tujuan penyiasatan menurut peruntukan yang ditetapkan di bawah undang-undang tersebut.



Operasi Khas yang diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja Kapit, Encik Khusyairy Pangkas Abdullah (berdiri) dalam pemeriksaan berkanun di sebuah premis refleksologi



Operasi Khas yang diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja Kapit, Encik Khusyairy Pangkas Abdullah (berdiri) dalam pemeriksaan berkanun di sebuah premis refleksologi



Pengarah Tenaga Kerja Sarawak, Encik Awang Raduan bin Awang Omar (tengah), Ketua Bahagian Standard Perburuhan, Puan Jamillah binti Putit (dua dari kanan) dan Pegawai Penguatkuasa dari Bahagian Penguatkuasaan, Puan Emma Yusmaniza binti Helmi (kanan) sedang menjalankan pemeriksaan pekerja di sebuah pusat hiburan

# ENGAGEMENT WITH TVET INSTITUTIONS 1/2018

ANJURAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN SAINS, PENYELIDIKAN TEKNOLOGI SARAWAK

PADA 6 OGOS 2018 BERSAMA YB DATO SERI MICHAEL MANYIN BERTEMPAT DI IMPERIAL HOTEL KUCHING



Dari kiri: Zulkifli Ismail, Dato Sudarsono Osman, Dato Seri Michael Manyin, Dr. Abdul Rahman Deen, Asmarina Othman  
Barisan kedua dan ketiga: peserta yang terdiri daripada Pengarah dan Pengetua Institusi Latihan TVET di Sarawak

Pada 6 Ogos 2018, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah dijemput oleh Kementerian Pendidikan Sains, Penyelidikan Teknologi Sarawak ke program *Engagement With TVET Institutions 1/2018* bersama institusi latihan yang menyediakan latihan TVET kepada belia-belia di Sarawak. Antara institusi yang hadir adalah Politeknik Kuching, Politeknik Mukah, Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan, Institut Latihan Perindustrian Miri, Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) dan pelbagai institusi lain.

Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diwakili oleh Puan Asmarina binti Othman, Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan. Beliau telah membentangkan dua (2) topik iaitu "Job Market for Skilled & Technical Workforce" dan Portal JobsMalaysia.

Objektif sesi "engagement" yang julung kali diadakan juga memberi peluang kepada JTK Sarawak untuk menerangkan fungsi dan peranan Jabatan dalam membantu pihak institusi menyediakan tenaga kerja berkemahiran bagi memenuhi pasaran buruh di Sarawak. Adalah diharap sesi sebegini diteruskan di masa hadapan dan JTK Sarawak dapat memberi sumbangan dari segi pembangunan belia berkemahiran di Sarawak khususnya.





Perhimpunan ini telah diadakan pada 7 Ogos 2018 bertempat di Auditorium, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Warga kerja daripada Ibu Pejabat, Pejabat Tenaga Kerja Kuching, Serian, dan Kota Samarahan serta Ketua Pejabat Bahagian di Sarawak telah menyertai perhimpunan ini.

Antara aktiviti yang berlangsung semasa perhimpunan ini adalah penyampaian amanat oleh Pengarah Baharu, Encik Awang Raduan bin Awang Omar yang bertugas mulai 24 Julai 2018. Selain itu, sesi serah tugas Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak kepada Pengarah turut diadakan semasa perhimpunan ini.



## **Taklimat Penerangan Penaksiran Risiko dan Prosedur Kerja Selamat di Tempat Kerja**

Taklimat ini telah diadakan pada 7 Ogos 2018 bertempat di Auditorium, Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Kuching. Objektif taklimat ini adalah untuk mempertingkatkan permahaman mengenai Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan peringkat Jabatan.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Sadiyuk anak Henry Rigit, Pegawai Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J48 dan Encik Ken Hensley anak Giki, Pegawai Pemeriksa Kilang dan Jentera Gred J41 dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak. Seramai 34 orang peserta terdiri daripada Ketua Pejabat dan ahli jawatankuasa dari setiap Pejabat Bahagian dan Ibu Pejabat telah menyertai taklimat ini.



# KURSUS PORTAL JOBSMALAYSIA 2.0

## (MODUL PENTADBIR OPERASI) BERSAMA TENAGA PENGAJAR MIMOS

### PADA 12 DAN 13 OGOS 2018 BERTEMPAT DI BILIK MESUARAT

### IBU PEJABAT, JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK



Gambar para peserta kursus bersama Encik Muhammad Adam bin Sabri daripada MIMOS

Pada 12 dan 13 Ogos 2018, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan dengan kerjasama MIMOS Berhad telah mengadakan Kursus Portal JobsMalaysia 2.0 (Modul Pentadbir Operasi) kepada Pembantu Perhubungan Perusahaan Gred S19 hingga S26 yang terpilih di seluruh Sarawak. Kursus selama dua (2) hari melibatkan seramai 26 orang peserta. Kursus ini merupakan latihan intensif kepada para pentadbir sistem JobsMalaysia 2.0 di Pejabat Tenaga Kerja masing-masing yang membantu pencari kerja dan majikan dalam pendaftaran menggunakan portal JobsMalaysia 2.0.

Latihan secara “hands-on” telah disampaikan oleh Encik Muhammad Adam bin Sabri. Antara topik latihan yang telah disampaikan sepanjang kursus adalah pengurusan *Dashboard JobsMalaysia 2.0*, pengurusan akaun pengguna (pencari kerja dan majikan) meliputi Meja Bantuan MIMOS. Memandangkan Portal JobsMalaysia 2.0 telah dilancarkan secara “live” pada 12 Julai 2018, maka latihan yang diberikan kepada peserta juga adalah secara langsung.



Encik Henry Hiew Choi, salah seorang peserta kursus sedang menggunakan portal JobsMalaysia 2.0 semasa sesi latihan “hand-on”



Para peserta kursus sedang tekun mendengar taklimat yang disampaikan oleh Encik Muhammad Adam Bin Sabri daripada MIMOS



Puan Asmarina binti Othman, Ketua Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan menyampaikan amanat kepada para peserta kursus

## **Kursus Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan**



Kursus ini telah diadakan pada 14 hingga 17 Ogos 2018 bertempat di Dorset Boutique Hotel, Kuching. Seramai 53 orang pegawai dan staf yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan perolehan di peringkat Ibu Pejabat atau Pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri kursus ini.

Para penceramah jemputan yang menjayakan kursus ini adalah Puan Nur Raffida binti Abdillah dan Encik Shahrul Nizam daripada Commerce Dot Com Sdn. Bhd.; Puan Siti Zainab

binti Ismail, Puan Nazeitul Shima binti Sulaiman dan Puan Dewi Binti Arabi daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sarawak; serta Encik Azman bin Ngaridi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Sarawak.

Antara objektif kursus ini adalah seperti berikut:-

- (i) memastikan Tatacara Perolehan Sebutharga di jabatan dilaksanakan secara cekap dan teratur mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.1 Tahun 2014
- (ii) membolehkan komuniti pengguna Sistem ePerolehan Baharu (pembekal, perunding dan pengguna kerajaan) bagi mempelajari perlaksanaan modul Pembelian Terus;
- (iii) mengurangkan kes ketidakpatuhan terhadap Tatacara dan Prosedur Kewangan bagi meningkatkan kesedaran serta ketelusan tentang kepentingan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan kerajaan;
- (iv) penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan melalui tadbir urus yang baik (*good governance*) serta menjurus kepada *value for money*; dan
- (v) meningkatkan kesedaran kepada jabatan dan Pejabat Bahagian (PTJ) berhubung Prosedur Pengurusan Kewangan Jabatan



# Program Mini Karnival Kerjaya Orang Kurang Upaya (OKU) @ UTC Sarawak, Kuching

Pada 16 Ogos 2018 (Khamis), telah diadakan Program Mini Karnival Kerjaya OKU yang julung kali diadakan oleh Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak. Program kali ini juga merupakan program kerjasama dengan Unit Khidmat Sokongan Sosial, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak. JKM telah membuat jemputan kepada para OKU yang berdaftar dengan mereka untuk hadir ke program ini. Pencari kerja yang hadir adalah sekitar Kuching, Samarahan, Betong, Sarikei dan juga daripada Miri.

Pada hari tersebut, dua (2) buah syarikat iaitu syarikat Mydin Vista Tunku Hypermarket dan juga syarikat AEON Kuching Central Store telah hadir dan menawarkan 38 kekosongan jawatan kepada pencari kerja OKU. Sejumlah 32 orang pengunjung yang hadir dan sejumlah 31 orang pencari kerja OKU telah ditemuduga. Daripada jumlah itu, sejumlah 7 orang adalah siswazah dan 24 orang adalah bukan siswazah. Di akhir program seorang pencari kerja OKU telah berjaya ditempatkan.

Hadir bersama ke program ini adalah Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah JTK Sarawak yang telah menyampaikan sijil penghargaan kepada para majikan yang menyertai dan juga beramah mesra dengan para pencari kerja OKU yang hadir. Harapan beliau adalah lebih banyak syarikat yang melaksanakan "Corporate Social Responsibilities" dengan mengambil para pekerja OKU untuk bekerja di syarikat mereka.



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah JTK Sarawak sedang berkomunikasi dengan calon pencari kerja cacat penglihatan



Suasana Program Mini Karnival Kerjaya OKU dengan para urus setia membantu pencari kerja cacat penglihatan mengisi borang permohonan jawatan kedua-dua syarikat



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah JTK Sarawak menyerahkan sijil penghargaan kepada Encik Zimmcrono (wakil syarikat MYDIN Mohamed Holdings Bhd)



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah JTK Sarawak menyerahkan sijil penghargaan kepada Encik Hairul Azlan (wakil syarikat AEON Kuching Central Store)

# **Kursus Pemantapan Integriti Penjawat Awam**

Bahagian Khidmat Pengurusan telah menganjurkan Kursus Pemantapan Integriti Penjawat Awam bagi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak yang berlangsung pada 13 hingga 15 September 2018 bertempat di Hotel Citadines Uplands Kuching dengan jayanya. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai pelbagai gred di seluruh Sarawak telah hadir mengikuti kursus ini.

Antara objektif kursus ini dianjurkan adalah sebagaimana yang berikut:-

- (a) memahami prinsip dan kepentingan integriti dalam penjawat awam;
- (b) memahami kesalahan-kesalahan rasuah serta lain-lain kesalahan yang berkaitan dengan penjawat awam di bawah undang-undang negara Malaysia;
- (c) mengetahui pendekatan, mekanisme dan kaedah yang berkesan untuk mencegah ruang dan peluang rasuah dalam perkhidmatan awam; dan
- (d) mengetahui peranan pengurusan dan tanggungjawab kerajaan dalam membudayakan integriti dan mencegah amalan rasuah.

Kursus ini telah disampaikan oleh para penceramah jemputan iaitu Encik Chang Ching, Encik Khairul Amlý bin Muhammad, Encik Abang Mohd. Nizam bin Abang Yusoff, Puan Suzita binti Marikan dan Encik Azman bin Ngaridi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Selain itu, Ustaz Abdul Rahim bin Othman daripada JAKIM turut dijemput bagi menyampaikan ceramah berhubung nilai-nilai murni seseorang penjawat awam.



## Program Karnival Pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU) Tahun 2018 Anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak

Pada 20 September 2018 (Khamis), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak telah menganjurkan Program Karnival Pekerjaan OKU Tahun 2018 bertempat di Dewan Masyarakat Serian. JKM telah bekerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak dalam mendapatkan majikan yang menawarkan kekosongan jawatan, pendaftaran Portal JobsMalaysia 2.0 dan menyampaikan ceramah.

Pada hari tersebut, tiga (3) buah syarikat iaitu Syarikat Mydin Mohamed Holding Bhd, AEON Co (M) Bhd cawangan Kuching dan Syarikat Ambang Wira cawangan Kuching telah hadir dengan menawarkan 34 kekosongan jawatan. Seramai 9 orang pencari kerja OKU telah hadir untuk temuduga syarikat-syarikat berkenaan. Daripada jumlah itu seramai 5 orang pencari kerja OKU berjaya ditempat.

JTK Sarawak juga menyediakan empat (4) buah laptop bagi tujuan pendaftaran atas talian Portal JobsMalaysia kepada pencari kerja yang berminat. Puan Julinah binti Jamalaldin, Pegawai Tenaga Kerja daripada Pejabat Tenaga Kerja Serian telah menyampaikan ceramah Skim Bantuan Galakan Perniagaan-OKU (SBGP-OKU) kepada hadirin yang hadir.

Program telah dirasmikan oleh Puan Dayang Nuhazira binti Abang Morshidi, Pegawai Tadbir Bahagian Serian dan dianggarkan 80 orang telah hadir ke program ini.



Calon pencari kerja OKU ditemuduga oleh majikan



Petugas JTK Sarawak bersama majikan yang hadir untuk Program Pekerjaan Kurang Upaya Tahun 2018 anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak

## Kursus Penyiasatan Aduan Siri 1 & 2



Bahagian Standard Perburuhan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah menganjurkan Kursus Penyiasatan Aduan seperti berikut:-

Kursus	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
Siri 1	18 – 21.09.2018	Hotel 56, Kuching	27 orang
Siri 2	25 – 28.09.2018	Hotel Penview, Kuching	26 orang

Objektif kursus ini dianjurkan adalah sebagaimana yang berikut:

- (1) meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan berkaitan penyiasatan aduan;
- (2) mengendalikan siasatan dengan lebih mahir dan mematuhi prosedur yang ditetapkan; dan
- (3) menjalankan penyiasatan dengan lebih yakin dan membolehkan aktiviti-aktiviti penyiasatan aduan buruh dijalankan dengan lebih baik dan berkesan.

Maklumbalas yang diterima daripada para peserta kursus juga positif dan secara amnya mereka berpandangan bahawa kursus ini amat bermanfaat kerana dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam menjalankan penyiasatan aduan di tempat kerja. Selain itu, para peserta juga mengharapkan agar kursus seumpama ini boleh diteruskan dari masa ke semasa dan melibatkan pegawai-pegawai lain atau ketua pejabat yang tidak dapat mengikuti kursus pada kali ini.

## Bengkel dan Taklimat *Monitoring System on Employment of Non-Sarawakians (MSEN)*



Para peserta Bengkel MSEN zon Bintulu bersama Encik Jamaluddin bin Yaakub, Ketua BPPBP dan wakil dari SAINS

MSEN dengan lebih tepat dan berkesan. Di samping itu, JTK Sarawak boleh mendapatkan maklumbalas penggunaan MSEN daripada para majikan mahupun pegawai dan kakitangan Jabatan untuk cadangan penambahbaikan sistem jika perlu. Maklumat bengkel dan taklimat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Penceramah jemputan kedua-dua sesi tersebut ialah Cik Jacqueline Chong dari SAINS untuk memberi tunjuk ajar menggunakan MSEN. Pengajuran sesi taklimat dan bengkel diadakan di dua zon iaitu Kuching dan Bintulu. Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memastikan para majikan memahami proses penggunaan MSEN dan juga prosedur kerja Permohonan Surat Kelulusan Secara Dasar (AP) dan Lesen Penggajian Pekerja Bukan Pemastautin diselaraskan mengikut keperluan BPPBP.

Bengkel ini diadakan menggunakan konsep *Train of Trainer (TOT)* untuk memastikan pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung dalam proses Permohonan AP dan Lesen fasih dan mahir dalam pengendalian dan penggunaan sistem di pejabat masing-masing. Sepanjang penggunaan MSEN sejak akhir tahun 2016, terdapat kelemahan yang telah dikenalpasti dan dengan ini, para peserta telah dimaklumkan dan diharap dapat meningkatkan kompetensi dan pengetahuan bagi menyelesaikan isu atau persoalan berkaitan MSEN daripada majikan di pejabat masing-masing kelak. Di dalam bengkel ini juga, para peserta diberi tunjuk ajar cara-cara membuat laporan penyiasatan ke atas permohonan yang dipohon oleh majikan.



Para peserta Bengkel MSEN zon Kuching



Para peserta Bengkel MSEN zon Kuching bersama Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak dan wakil dari SAINS



Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyampaikan kata alu-aluan kepada para majikan yang hadir ke Sesi Taklimat MSEN zon Kuching

Encik Jamaluddin bin Yaakub, Ketua BPPBP memberi cenderahati kepada Cik Jacqueline Chong, penceramah dari SAINS sebagai tanda penghargaan



Para majikan hadir ke Sesi Taklimat zon Kuching bagi memahami penggunaan MSEN

# Job Fair @ UTC 5.0 Peringkat Kebangsaan Tahun 2018



Ketibaan Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak ke program ini



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak melawat ke kaunter borang permohonan kerja



Temuduga terbuka pencari kerja oleh salah sebuah majikan



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak menyampaikan sijil penghargaan kepada salah sebuah majikan yang menyertai program ini

Program Job Fair @ UTC 5.0 Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diadakan pada 6 Oktober 2018 bertempat di UTC Kuching dengan jayanya. Sebanyak 20 booth majikan telah disediakan untuk Program ini dengan menawarkan sebanyak 1,681 kekosongan jawatan. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 704 orang dan seramai 306 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 1,813 orang pengunjung yang hadir ke program ini.



Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak melawat ke booth pendaftaran JobsMalaysia dan kaunter pendaftaran temuduga terbuka



# Program Karnival Kerjaya

## Pejabat Tenaga Kerja Sibu

13 Oktober 2018 (Dewan Suarah Sibu)



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



Seorang pencari kerja sedang mendapatkan nombor giliran temuduga



Para pencari kerja sedang menunggu giliran temuduga



Proses temuduga terbuka oleh salah sebuah majikan yang menyertai program ini

Seramai 20 majikan telah menyertai program ini dengan menawarkan sebanyak 1,676 kekosongan jawatan. Dianggarkan seramai 1,450 orang pengunjung telah hadir ke program ini. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 704 orang dan seramai 356 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan.

## KURSUS JURUBAHASA & PENYAMPAIAN SAMAN JABATAN TENAGA KERJA (JTK) SARAWAK 2018

Kursus ini telah diadakan pada 16 hingga 19 Oktober 2018 bertempat di Harbour View Hotel, Kuching. Seramai 42 orang kakitangan berjawatan Jurubahasa, Penghantar Notis, Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Bahagian di Sarawak telah menghadiri kursus ini.

Para penceramah bagi kursus ini ialah Encik Tujuh anak Bachat, Penolong Kanan Pengarah Tenaga Kerja Sibu, Puan Emma Yusmaniza binti Helmi dan Puan Norhafizah binti Ismail daripada Bahagian Penguatkuasaan, Ibu Pejabat JTK Sarawak.

Antara objektif kursus ini adalah untuk:-

- (i) memberikan pengetahuan kepada peserta baru dan memantapkan lagi pengetahuan peserta yang pernah mengikuti kursus sebelum ini berkenaan dengan tugas dan peranan mereka dalam pengendalian kes di Mahkamah Buruh, penyampaian dokumen mahkamah dan pengurusan kes secara keseluruhan; dan
- (ii) memberi pendedahan kepada peserta berkenaan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan.



# Lawatan Kerja

## Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM)

Pada 16 Oktober 2018, YBhg. Dato' Amir bin Omar, Ketua Setiausaha (KSU), KSM telah mengadakan lawatan kerja kali pertama ke Jabatan Tenaga Kerja Sarawak selepas lantikan beliau sebagai KSU, KSM. Semasa lawatan kerja, taklimat ringkas tentang Jabatan ini telah disampaikan oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak kepada beliau. Sepanjang lawatan kerja tersebut, beliau sempat beramah mesra dengan para pegawai dan kakitangan Jabatan / Agensi di bawah KSM di Sarawak.



## Program Karnival Kerjaya

### Pejabat Tenaga Kerja Bintulu

**20 Oktober 2018 ( Dewan Suarah Bintulu)**

Seramai 28 majikan telah menyertai Program Penempatan Pekerjaan kali ini dengan menawarkan sebanyak 1,876 kekosongan jawatan kepada para pencari kerja. Jumlah pencari kerja yang telah ditemuduga pada hari tersebut ialah seramai 1,359 orang dan seramai 503 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan. Dianggarkan seramai 2,834 orang pengunjung telah hadir ke program ini.



Sesi gambar berkumpulan para petugas selepas tamat program



Para pencari kerja sedang mendapatkan borang di kaunter permohonan kerja



Para pencari kerja sedang menunggu giliran temuduga



Para pencari kerja sedang mengisi borang permohonan kerja



Sesi penyampaian sijil penghargaan kepada majikan oleh Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak

# PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK SIRI 2 TAHUN 2018



Persidangan ini telah diadakan di Hotel Promenade, Bintulu pada 28 hingga 31 Oktober 2018. Seramai 70 orang telah menyertai persidangan ini iaitu terdiri daripada pegawai Gred 29 dan ke atas dari Ibu Pejabat dan Pejabat Tenaga Kerja Bahagian. Persidangan ini dilihat sebagai medan terbaik bagi memperkasakan pengetahuan dan kemahiran pegawai di samping membincangkan isu-isu dan cabaran-cabaran mendatang yang harus dihadapi oleh semua pegawai dalam menyampikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan Jabatan. Semasa persidangan berlangsung, Jabatan telah mengambil kesempatan ini untuk mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang disaksikan oleh pegawai daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



# Program Karnival Kerjaya

## Bahagian Kuching @ 2.0



Sesi gambar berkumpulan para petugas selepas tamat program

Program Karnival Kerjaya 2018 Bahagian Kuching @ 2.0 telah diadakan pada 3 November 2018 bertempat di Eastern Mall, Siburan, Kuching. YB Willie Mongin, Ahli Parlimen P198 Puncak Borneo telah mengadakan "walkabout" semasa program ini berlangsung dan diiringi oleh Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah Tenaga Kerja Sarawak. Dianggarkan seramai 4,452 orang pengunjung telah hadir ke program ini. 20 majikan telah menyertai program ini dengan mengadakan temuduga terbuka dan menawarkan sebanyak 2,022 kekosongan jawatan. Seramai 486 orang pencari kerja telah ditemuduga di mana 178 orang telah berjaya ditempatkan ke dalam pekerjaan pada hari tersebut.

Wakil majikan yang bertugas di kaunter borang permohonan kerja



Para pencari kerja sedang menunggu giliran untuk ditemuduga oleh majikan

Ceramah kerjaya turut diadakan untuk para pelajar sekolah jemputan



YB Willie Mongin, Ahli Parlimen P198 Puncak Borneo bersama Encik Awang Raduan bin Awang Omar, Pengarah dan Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah menyampaikan sijil penyertaan kepada salah satu majikan yang menyertai program ini

## KUNJUNGAN PASUKAN PENYELIDIK UNICEF-ISIS

Pada 21 November 2018 jam 2.30 petang, Ibu Pejabat JTK Sarawak telah menerima kunjungan daripada Pasukan Penyelidik UNICEF-ISIS. Kunjungan tersebut disambut oleh Encik Sulaiman bin Ismail, Timbalan Pengarah Tenaga Kerja Sarawak bersama beberapa pegawai di Ibu Pejabat.

Tujuan kunjungan ini adalah untuk mendapatkan maklumat daripada Jabatan ini berhubung kajian yang akan dijalankan oleh pasukan tersebut mengenai *Undocumented and Stateless Children of Locals, Refugees and Irregular Economic Migrants in Malaysia*.

Encik Jeffry Douglas William Nagun, Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan, Bahagian Penyelidikan dan Maklumat telah memberi Taklimat Penggajian Pekerja Bukan Pemastutin di Sarawak mengikut permintaan daripada pasukan berkenaan.



# Majlis Ramah-Tamah Gawai-Raya Tahun 2018

Kelab Kebajikan dan Sosial JTK Sarawak cawangan Ibu Pejabat telah menganjurkan Majlis Ramah-Tamah Gawai Raya Tahun 2018 pada 3 Julai 2018 bertempat di ruang legar, Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meraikan Sambutan Hari Gawai dan Hari Raya Aidilfitri di samping bagi mengeratkan lagi silaturahim warga kerja JTK Sarawak.



# Appreciation Night



Jawatankuasa Kelab Kecil Sosial dan Kebajikan Ibu Pejabat JTK Sarawak telah menganjurkan Majlis Makan Malam bertema "Appreciation Night" pada 07 Disember 2018 di Penview Hotel, Kuching. Majlis tersebut telah dihadiri oleh 76 orang kakitangan dan ahli keluarga warga kerja Ibu Pejabat.

Matlamat majlis makan malam ini adalah untuk menghargai sumbangan dan pengorbanan semua ahli dalam menjayakan semua agenda yang telah dilaksanakan serta sentiasa berusaha untuk menambah dan meningkatkan dana kelab cawangan.

Di samping itu, diharapkan majlis sebegini boleh dijadikan medan untuk membina budaya kekitaan antara semua kakitangan tanpa mengira pangkat dan kedudukan serta mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja Ibu Pejabat.



# PERINTAH GAJI MINIMUM (PINDAAN) 2018



Apakah itu Gaji Minimum ?

Gaji Minimum ertinya **GAJI POKOK** seperti ditetapkan dalam Perintah.

✗ Insentif

✗ Elaun

✗ Bayaran Tambahan

Perintah ini terpakai kepada semua pekerja (warganegara dan bukan warganegara) di sektor swasta yang bekerja di bawah kontrak perkhidmatan kecuali kepada perkhidmatan domestik (pekerja dalam rumah persendirian).

Kadar Gaji Minimum Bulanan, Harian dan Setiap Jam yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019

Kawasan Wilayah	Bulanan	Harian		Setiap jam
		Bil. hari bekerja dalam seminggu		
Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan	RM 1,100	6	RM 42.31	RM 5.29
		5	RM 50.77	
		4	RM 63.46	

## BAGAIMANA DENGAN PEKERJA TIADA GAJI POKOK?

Berhubung dengan seseorang pekerja yang tidak dibayar gaji pokok tetapi dibayar gaji hanya berdasarkan upah ikut kerja, berat tan, tugasan, perjalanan atau komisen, kadar gaji bulanan yang kena dibayar kepada pekerja itu hendaklah tidak kurang daripada RM1,100.00

### PERINGATAN

Semua pekerja sama ada masih dalam tempoh percubaan atau telah disahkan (*confirmed*) layak kepada gaji minimum sepenuhnya tanpa sebarang pengurangan mulai 1 Januari 2019.  
Majikan tidak boleh menstruktur semula gaji pekerja dengan menukar elaun untuk menjadikan sebahagian gaji minimum.

### TINDAKAN

Berdasarkan seksyen 43 Akta 732, majikan yang gagal mematuhi PGM 2018 akan dikenakan tindakan seperti berikut:

- i) Penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM 10,000 bagi setiap pekerja;
- ii) Penalti bagi kesalahan berterusan: Denda harian tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan (tambahan kepada penalti lain berkenaan kesalahan itu); dan
- iii) Penalti bagi kesalahan berulang: denda tidak lebih RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.





# PERLU TAHU ICT

## Keselamatan E-mel

Pada hari-hari tertentu, purata seorang pekerja menerima 85 e-mel. 10 daripadanya akan menjadi spam, 64 adalah e-mel pukal (*bulk mail* contohnya: newsletter), dan hanya 11 e-mel yang penting untuk dibaca dengan segera. Ikuti tips di bawah untuk meningkatkan tahap keselamatan e-mel.



**JANGAN TERTIPU UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT SULIT ATAU PERIBADI.**  
Elakkan membalas e-mel yang meminta maklumat sedemikian. Sentiasalah berjaga-jaga.



**JANGAN GUNAKAN KOMPUTER YANG TIDAK DILINDUNGSI.**

Apabila anda menggunakan komputer di kafe internet misalnya, anda meletakkan maklumat sensitif yang anda kongsi dengan risiko. Pastikan komputer anda dilengkapi antivirus dan firewall terkini.



**LOCK KOMPUTER APABILA TIDAK DIGUNAKAN.**

Ini bagi mengelakkan orang lain dapat melihat sekiranya anda bekerja dengan dokumen penting yang mengandungi maklumat sulit, apabila anda tidak berada di tempat.



**BERHATI-HATI DENGAN E-MEL DAN PAUTAN YANG MENCURIGAKAN.**

Hapuskan e-mel dan pautan yang mencurigakan tanpa membukanya. E-mel dan pautan ini boleh menjelaskan komputer anda.



**JANGAN PASANG (INSTALL) PROGRAM YANG TIDAK DIBENARKAN.**

Aplikasi yang berniat jahat sering menyamar sebagai sebuah program yang sah, bertujuan untuk menjangkiti komputer atau rangkaian dengan virus dan sebagainya.



